

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld. 5 ( 7 )  
Tarikh : 19 Oktober 2022

POLISI TIDAK MENERIMA HADIAH

## KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

### SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 10/ 2022

#### PROSES PENILAIAN AKREDITASI SEMENTARA DAN AKREDITASI PENUH PROGRAM SAINS KESIHATAN BERSEKUTU DI BAWAH MAJLIS PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU MALAYSIA (MPKBM)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana tuan/puan sedia maklum, Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 [Akta 774] yang mengawal selia 23 Profesion Kesihatan Bersekutu telah dikuatkuasakan pada 1 Julai 2020. Namun begitu, Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 telah dipinda dengan mengemaskini Jadual Kedua seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran 1** berkuatkuasa pada 24 Mac 2022.

3. Selaras dengan peruntukan di bawah Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679] dan penguatkuasaan Akta 774, Mesyuarat MPKBM Ke-3 (Bil. 1/2021) bertarikh 15 September 2021 telah memutuskan supaya proses penilaian program di bawah bidang Profesion Kesihatan Bersekutu yang sebelum ini dilaksanakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) dipertanggungjawabkan kepada Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia (MPKBM) berdasarkan ketetapan berikut:

- i) Penilaian Akreditasi Sementara seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 43 Akta 679 bagi program Sains Perubatan dan Kesihatan Bersekutu yang diterima daripada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) termasuk PPT berstatus Swaakreditasi akan **bermula pada 1 Januari 2023**; dan
- ii) Penilaian Akreditasi Penuh seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 50 (1) Akta 679 bagi program Sains Perubatan dan Kesihatan Bersekutu yang baharu diterima daripada PPT termasuk peralihan penilaian daripada PPT berstatus Swaakreditasi akan **bermula pada 1 Julai 2023**.

4. Bagi program yang telah mendapat Akreditasi MQA, ketetapan bagi peralihan penilaian akreditasi di bawah penilaian MQA termasuk PPT berstatus Swaakreditasi kepada penilaian MPKBM adalah seperti berikut:

- i) Program Sains Perubatan dan Kesihatan Bersekutu yang telah mendapat Akreditasi Penuh MQA termasuk PPT berstatus Swaakreditasi melebihi 5 tahun dan belum melalui proses pematuhan Akreditasi MQA, PPT perlu mengemukakan permohonan pembaharuan akreditasi untuk penilaian MPKBM bermula 1 Julai 2023; dan
- ii) Program Sains Perubatan dan Kesihatan Bersekutu yang telah menjalani audit pematuhan akreditasi penuh melebihi 5 tahun (melalui audit pematuhan tahun 2018), permohonan pembaharuan akreditasi penuh hendaklah dihantar kepada MQA untuk penilaian MPKBM bermula 1 Julai 2023.

5. Carta Alir Proses Penilaian Akreditasi Sementara dan Proses Penilaian Akreditasi Penuh adalah seperti dalam **Lampiran A** dan **Lampiran B**. Senarai bidang Profesion Kesihatan Bersekutu dan tahap program berdasarkan *Malaysian Qualifications Framework* (MQF) yang dinilai oleh MPKBM adalah seperti dalam **Lampiran C**.

6. PPT adalah dimohon untuk mengemukakan permohonan Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan pembaharuan Akreditasi Penuh bagi program Sains Perubatan dan Kesihatan Bersekutu kepada MQA menggunakan borang dan fi perkhidmatan MQA berdasarkan ketetapan yang telah dinyatakan di para 4 dan 5. MQA akan mengemukakan permohonan PPT kepada pihak MPKBM bagi tujuan penilaian selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 38 (1) dan subseksyen 50 (1) dalam Akta 679.

7. PPT dimohon mengambil perhatian yang sewajarnya agar urusan penilaian akreditasi bagi program Sains Perubatan dan Kesihatan Bersekutu dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL”**

Saya yang menjalankan amanah,



**PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)**

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha  
Pejabat Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 17, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 9, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
3. YBhg. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w  
Persiaran Perdana, Presint 4  
**62100 W.P. PUTRAJAYA**
4. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi  
Pejabat Menteri Pengajian Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 18, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
5. Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)  
Tingkat Bawah, Menara PTPTN  
Blok D, Megan Avenue II  
No.12, Jalan Yap Kwan Seng  
**50450 W.P. KUALA LUMPUR**
6. Ketua Pegawai Eksekutif  
Education Malaysia Global Services (EMGS)  
Tingkat 20, Menara TA One  
22 Jalan P Ramlee  
**50250 W.P. KUALA LUMPUR**

7. Sekretariat  
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)  
Pejabat Naib Canselor  
Aras 2, Bangunan Canseleri  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
**35900 TANJONG MALIM, PERAK**
  
8. Sekretariat  
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCR UA)  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Aras 9, Canseleri  
Universiti Malaya  
**50603 W.P. KUALA LUMPUR**
  
9. Sekretariat  
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam  
Pusat Pengajian Siswazah  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)  
P.O. Box 10  
**50728 KUALA LUMPUR**
  
10. Sekretariat  
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)  
Pendaftar  
International Medical University (IMU)  
No. 126, Jalan Jalil Perkasa 19  
Bukit Jalil  
**57000 KUALA LUMPUR**
  
11. Presiden  
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)  
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti  
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1  
Bandar Baru Nilai 1  
**71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN**
  
12. Presiden  
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)  
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)  
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia  
Bukit Jalil  
**57000 KUALA LUMPUR**

13. Presiden  
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)  
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1  
**46050 PETALING JAYA, SELANGOR**
14. Presiden  
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)  
1<sup>st</sup>-3<sup>rd</sup> Floor  
85, Jalan Gaya  
**88000 KOTA KINABALU, SABAH**
15. Presiden  
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)  
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of  
Advance Technology Sarawak  
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya  
**93350 KUCHING, SARAWAK**
16. Pengerusi  
Majlis Dekan Sains Kesihatan Universiti Awam  
Pejabat Dekan  
Kulliyah Sains Kesihatan Bersekutu  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
P.O Box 141  
**25710 KUANTAN, PAHANG**
17. Pendaftar  
Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 2, Blok A, Bangunan Utama Chancery Place  
Jalan Diplomatik 2, Presint Diplomatik  
Presint 15  
**62650 W.P. PUTRAJAYA**


JADUAL KEDUA

[Seksyen 9 dan 10]

SENARAI PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU


1. Ahli Audiologi
2. Ahli Dietetik
3. Ahli Entomologi (Kesihatan Awam)
4. Ahli Fisioterapi
5. Ahli Fizik Perubatan
6. Ahli Pemakanan
7. Ahli Psikologi Klinikal
8. Ahli Radiografi Diagnostik
9. Ahli Sains Makmal Perubatan (Biokimia, Bioperubatan, Embriologi, Genetik Perubatan dan Mikrobiologi)
10. Ahli Terapi Cara Kerja
11. Ahli Terapi Pertuturan-Bahasa
12. Ahli Terapi Radiasi
13. Juruteknologi Makmal Perubatan
14. Juruteknologi Pergigian
15. Pegawai Kesihatan Persekitaran
16. Pegawai Pendidikan Kesihatan

**MAJLIS PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU MALAYSIA (MPKBM)  
CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN AKREDITASI SEMENTARA**



PPT Pemberi Pendidikan Tinggi  
 APP Ahli Panel Penilai  
 MPKBM Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia  
 JTB Jawatankuasa Teknikal Bersama  
 PAS Perakuan Akreditasi Sementara

**MAJLIS PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU MALAYSIA (MPKBM)  
CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN AKREDITASI PENUH**



PPT Pemberi Pendidikan Tinggi  
 APP Ahli Panel Penilai  
 MPKBM Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia  
 JTB Jawatankuasa Teknikal Bersama



LAMPIRAN C

**Bidang Dan Tahap Program Yang Dinilai Oleh  
Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia (MPKBM)**

Bil.	Bidang	Tahap Kerangka Kelayakan Malaysia		
		Diploma (Tahap 4)	Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6)	Ijazah Sarjana (Tahap 7)
1.	Audiologi		/	
2.	Dietetik		/	
3.	Entomologi (Kesihatan Awam)		/	
4.	Fisioterapi	/	/	
5.	Fizik Perubatan		/	
6.	Pemakanan		/	
7.	Psikologi Klinikal			/
8.	Biokimia		/	
9.	Bioperubatan		/	
10.	Embriologi		/	
11.	Genetik		/	
12.	Mikrobiologi		/	
13.	Terapi Cara Kerja	/	/	
14.	Terapi Pertuturan – Bahasa		/	
15.	Terapi Radiasi	/	/	
16.	Radiografi Diagnostik/ Pengimejan Perubatan	/	/	
17.	Teknologi Makmal Perubatan	/		
18.	Teknologi Pergigian	/		
19.	Kesihatan Persekitaran	/	/	
20.	Pendidikan Kesihatan			/
21.	Sains Forensik		/	